



## SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BIL. 04/2018

**Kepada: Penuntut-Penuntut Biasiswa Kerajaan Yang Berkelayakan Menerima Tambang Kerajaan Selepas Tamat Dua Tahun Pengajian / Cuti Biennial (*Biennial Leave*) dan Yang Dijangka Menyambung Pengajian Bagi Sesi 2018/2019**

### (A) SILA AMBIL PERHATIAN TERHADAP PERKARA-PERKARA YANG BERIKUT:

1. Penuntut-penuntut yang berkelayakan untuk menerima tambang Kerajaan Selepas Tamat Dua Tahun Pengajian / Cuti Biennial / dwitahunan (*Biennial Leave*) bagi sesi 2017/2018, bolehlah menghadapi Borang Tempahan Penerbangan bagi *Biennial Leave-RBA Flight Reservation (RBAF)* yang boleh didapati dari laman web [www.upp.org.uk](http://www.upp.org.uk). Semua borang-borang tersebut hendaklah dihadapkan kepada Unit Penuntut-Penuntut (UPP) atau emel ke [flightbooking@upp.org.uk](mailto:flightbooking@upp.org.uk) pada atau sebelum **7hb Mac 2018**.
2. Pada dasarnya penuntut-penuntut hanya dibenarkan pulang selepas mereka menerima keputusan peperiksaan bagi pengajian sesi 2017/2018. Tujuannya adalah bagi membantu penuntut yang gagal atau yang dikehendaki untuk menduduki peperiksaan ulangan (resit) membuat persediaan dan menduduki peperiksaan mereka semasa berada di United Kingdom bagi mengelakkan masalah-masalah yang mungkin berbangkit.
3. Walau bagaimanapun, jika para penuntut berhasrat untuk pulang sebelum keputusan peperiksaan/pengajian mereka diterima, para penuntut boleh menghadapi permohonan bagi mendapat kebenaran dan pengeluaran tiket penerbangan mereka kepada Pengarah Pengajian. Sehubungan dengan itu, UPP telah menyediakan **Borang Cuti *Biennial Leave Form* - (BLF)** yang boleh dimuat turun dari laman web [www.upp.org.uk](http://www.upp.org.uk) untuk para penuntut lengkapkan dan tandatangani. Hadapkan atau email borang tersebut bersama-sama dengan borang-borang tempahan penerbangan (FRAF) tersebut ke UPP pada atau sebelum tarikh tutup penerimaan borang tempahan.
4. Para penuntut yang berhak menerima tambang kelayakan bagi cuti *biennial* adalah **tidak dibenarkan untuk menanggungkan** penggunaan tambang kelayakan sehingga melimpasi tahun kewangan (**Mac 2019**). Oleh sebab yang demikian, semua penuntut adalah diingatkan untuk menggunakan tambang kelayakan di dalam tempoh masa yang sepatutnya.
5. Sekiranya perlu **mengawalkan atau menanggungkan tambang kelayakan** itu atas sebab-sebab yang munasabah dan kukuh, maka penuntut hendaklah menulis surat permohonan dengan segera kepada Pengarah Pengajian Unit Penuntut-penuntut untuk mendapatkan kebenaran, dengan menyatakan alasan yang kukuh bagi permohonan penanggungkan tambang tersebut. Penggunaan peruntukan tambang *Biennial Leave* secara kebelakangan atau membuat tuntutan secara kebelakangan bagi pembayaran pembelian